



Titah Ucapan
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir

Sempena Hari Keputeraan Ke-71
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus

Isnin, 14 Januari 2019
10.15 pagi

Istana Besar Seri Menanti

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Sesungguhnya segala pujian, sanjungan dan kesyukuran dirafak ke hadrat Allah S.W.T, Tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. semulia-mulia kejadian, juga ke atas kaum keluarga dan para sahabat Baginda. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua dapatlah Beta dan Tunku Ampuan Besar berangkat hadir ke Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat bersempena ulang tahun Hari Keputeraan Beta yang ke-71. Semoga dapat disempurnakan dengan baik dan lancar.

Penghargaan Sembah Ucapan

2. Beta menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Besar yang mewakili pihak Kerajaan serta rakyat Negeri Sembilan seluruhnya atas perutusan sembah ucapan selamat dan tahniah bersempena Hari Keputeraan Beta pada kali ini.

3. Sesungguhnya Beta dan Tunku Ampuan Besar amat menghargai keikhlasan sembah ucapan selamat, titipan doa dan ingatan semua rakyat sekalian kepada Beta berdua serta ahli keluarga. Keikhlasan ini juga Beta

gambarkan sebagai simbolik kepada hubungan erat di antara institusi beraja dan rakyat di Negeri Sembilan yang terjalin selama ini.

Kepimpinan Kerajaan & Jentera Pentadbiran

4. Beta mengucapkan kepada semua selamat menyambut tahun baharu 2019 dan berharap agar tahun ini akan menjadi lebih baik daripada tahun-tahun lepas. Dengan ini juga, tinggi harapan Beta supaya kepimpinan kerajaan, jentera pentadbiran dan rakyat menguatkan iltizam serta tekad ke arah mengupayakan lagi peranan masing-masing agar lebih relevan dan mantap dari sudut kecekapan, ketelusan serta akauntabiliti dalam menghadapi segala cabaran.

5. Kita seharusnya bersyukur kerana diberi peluang untuk memperbaiki dan memperbetulkan semua kelemahan pentadbiran negara. Jadikan apa yang berlaku sebagai satu pengajaran kerana jika tidak, ia pasti akan berulang. Jangan lagi kita tunduk membiarkan hasil negara digunakan untuk kepentingan peribadi individu-individu tertentu. Jangan lagi kita membenarkan institusi-institusi pentadbiran negara terhalang daripada menjalankan tanggungjawab yang sepatutnya. Jangan lagi kita hilang upaya dalam mengawal segala manipulasi yang berlaku. Beta menyeru kepada semua sama ada pemimpin ataupun rakyat agar tidak melepaskan peluang yang ada ini untuk merencana masa depan negara agar menjadi lebih baik.

6. **Kepimpinan Kerajaan Negeri hendaklah beramanah tinggi, bermaruah tinggi dan berpendirian tinggi, dalam Bahasa Inggeris *persons of honour*, untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan baik.** Jalinlah kerjasama penuh harmoni dengan semua jentera pentadbiran Kerajaan daripada peringkat persekutuan sehinggalah ke peringkat akar umbi. Berikan contoh teladan yang baik kepada rakyat dengan saling bergandingan dalam melahirkan buah fikiran yang bermanfaat demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri yang berterusan.

Senario Ekonomi & Pembangunan Negeri Sembilan

7. Beta amat memahami, sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada risiko dan ketidakpastian dalam persekitaran iklim ekonomi global. Cabaran getir untuk kita ialah kesuraman keadaan ekonomi dunia semasa, yang berkembang pada momentum sederhana, turut memberi kesan ke atas Malaysia dengan jangkaan keadaan ini akan berterusan hingga ke penghujung tahun 2019. Ia boleh memberi kesan yang signifikan kepada landasan pertumbuhan ekonomi negara pada masa hadapan.

8. Di peringkat Negeri, Beta yakin Kerajaan Beta mampu mengharungi cabaran ekonomi ini menerusi perancangan yang teliti dan strategi pelaksanaan yang berkesan terutama dalam mengukuhkan sumber kewangan negeri dan menyuburkan ekonomi rakyat. Keadaan ini wajar diperkukuhkan dengan komitmen proaktif Kerajaan Beta melalui dasar yang

konsisten, jalinan kerjasama positif antara kerajaan dengan pihak swasta, serta penyediaan inisiatif dan insentif yang menarik. Beta turut berkenan untuk Kerajaan Negeri menggubal dasar-dasar baru yang bersesuaian dan melaksanakan agenda pembangunan mengikut keutamaan yang betul demi kemakmuran negeri Beta.

9. Negeri Sembilan telah mengekalkan sektor perkhidmatan sebagai penyumbang utama ekonomi negeri bagi tahun 2017 diikuti dengan sektor pembuatan dan sektor pertanian. Kerajaan Beta telah menyebarkan maklum bahawa usaha dan pendekatan akan dilaksanakan bagi melonjakkan sumbangan ekonomi khususnya sektor pertanian ke tahap maksimum dengan cara mengoptimumkan kegunaan tanah dan penglibatan yang menyeluruh dalam industri hiliran sektor pertanian.

10. Beta turut melihat industri pelancongan di negeri ini amat berpotensi namun belum dipergiat sepenuhnya. Dengan keunikan adat budaya, warisan dan peninggalan sejarah, keindahan semula jadi pantai serta kekayaan biodiversiti, pelancongan di Negeri Sembilan mampu berkembang lebih pesat di peringkat domestik dan antarabangsa. Dalam konteks ini, produktiviti sektor pelancongan yang sebahagian besarnya berada di luar bandar perlu dioptimumkan, dan diyakini akan memberi sumbangan yang tinggi kepada sosioekonomi negeri.

11. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri perlu mempertingkatkan penyediaan prasarana dan kemudahan serba moden untuk kesempurnaan

dan kesejahteraan rakyat. Usaha juga harus diperhebat, khususnya bagi menggalakkan pelaburan yang berterusan dari dalam dan luar negara. Aspek ini penting dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri yang menyasarkan pelaburan industri berteknologi tinggi untuk mewujudkan peluang kerjaya kepada anak-anak tempatan di negeri ini.

12. Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada Menteri Besar, kerana berjaya menyediakan Anggaran Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2019 yang bersifat menyeluruh dan inklusif merentasi sempadan agama, kaum dan geografi. Bertemakan “**Memperkayakan Hasil, Memakmurkan Kekayaan**”, belanjawan berjumlah **RM430 juta** tersebut telah menggariskan empat strategi dan sepuluh pelan tindakan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri yang lebih lestari dan berdaya tahan.

13. Beta menyeru kepada semua agensi yang dipertanggungjawabkan agar menggembeng usaha untuk menyempurnakan pelaksanaan projek mengikut perancangan yang telah ditetapkan dalam Belanjawan 2019, kerana kejayaan projek-projek ini mampu membawa pembangunan negeri ke tahap yang lebih baik, di samping memastikan rakyat dapat mengecapi nikmat pembangunan yang inklusif merentasi serata negeri.

Keharmonian Masyarakat

14. **Melalui pemerhatian Beta, pada masa ini tahap hubungan sosial antara kaum amat rendah jika dibandingkan dengan era 30 atau 40 tahun dahulu. Ia dapat dilihat dengan jelas terutama dalam kelab-kelab**

sosial atau pertubuhan-pertubuhan NGO tertentu di mana hanya sesuatu kaum mendominasi keahlian dan jawatankuasa sesebuah persatuan. Dalam sesebuah negara majmuk seperti Malaysia, hubungan sosial antara kaum adalah amat penting. Ia akan membangkitkan semangat memahami dan menghormati amalan agama dan budaya masing-masing. Kesefahaman dan sifat saling menghormati antara satu sama lain akan lebih menjamin ketenteraman dan masyarakat yang bersatu-padu. Ingatlah semula cogan kata yang ada pada Jata Negara iaitu Bersekutu Bertambah Mutu, *Unity Is Strength*.

15. Semangat setia kawan antara kaum hendaklah dipupuk awal kepada generasi muda. Ia boleh disemai melalui aktiviti sukan fizikal dan permainan yang berasaskan intelek seperti catur dan *esports*, serta aktiviti ko-kurikulum seperti Persatuan Pengakap, Pandu Puteri, Bulan Sabit Merah dan lain-lain. Beta berharap agar semua ini diberi lebih galakan dan dipergiatkan lagi.

16. Di samping itu, adat budaya terutamanya Adat Perpatih merupakan tonggak kepada keutuhan Negeri Sembilan sebagai negeri beradat dan pembentukan masyarakat yang harmoni sejak turun temurun. Pengamalan adat dan budaya ini turut berperanan dalam menerapkan nilai-nilai murni keperibadian individu, kekeluargaan dan menyatupadukan masyarakat.

Ucapan Tahniah Kepada Penerima Pingat

17. Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada semua penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan Beta ini. Kurniaan ini adalah sebagai tanda penghargaan atas khidmat, jasa dan bakti yang telah diberikan kepada Beta, Kerajaan Beta dan Negeri Sembilan khususnya serta Malaysia secara amnya.

18. Beta juga ingin mengingatkan kepada para penerima bahawa kurniaan ini bukanlah satu hiasan atau pembawa gelaran semata-mata tetapi lebih kepada pengiktirafan yang perlu dihargai kerana sangat berkait rapat dengan martabat dan kehormatan Institusi Diraja Negeri Sembilan. Justeru, semua penerima mempunyai amanah untuk menjaga kemuliaan dan pengiktirafan yang dikurniakan ini dengan memastikan imej, tata susila, tingkah laku dan keperibadian masing-masing sentiasa terpelihara.

Ucapan Terima Kasih

19. Mengakhiri titah, Beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Besar dan pihak Kerajaan, warga Perkhidmatan Awam dan Pasukan-Pasukan Keselamatan, atas sumbangan dalam menyempurnakan amanah untuk pembangunan dan kesejahteraan di negeri ini. Begitu juga penghargaan Beta kepada mereka yang berkhidmat di sektor swasta, Badan-Badan Bukan Kerajaan atau NGO, serta seluruh lapisan rakyat dan penduduk atas sumbangan, sokongan dan kesungguhan dalam bersama-sama menjayakan agenda pembangunan negeri.

20. Beta juga berdoa semoga kita semua serta Negeri Sembilan Darul Khusus yang kita kasihi ini akan sentiasa kekal aman dan makmur, dikurniakan limpah rahmat, pemeliharaan Allah S.W.T. Amin.

Sekian.

**Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**